

10/03/2000

Majikan digesa ubah suai operasi berasas teknologi

IPOH, Khamis - Kementerian Sumber Manusia akan memastikan majikan tempatan terutama kilang, mengubah suai operasi masing-masing dengan memodenkan pengeluaran mereka serta beralih kepada ekonomi berasaskan teknologi.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata mereka tidak seharusnya bergantung kepada pengeluaran berasaskan buruh bagi memastikan matlamat mengurangkan buruh asing tercapai.

Katanya, dari segi prinsip, kementerian menganggap pengambilan pekerja asing hanya langkah sementara disebabkan Malaysia kini dalam proses transformasi dari ekonomi berasaskan buruh kepada teknologi tinggi.

"Memang kerajaan banyak rancangan untuk menggalakkan syarikat dan kilang memodenkan proses pengeluaran mereka.

"Namun, sementara waktu ini, kita perlu izinkan pekerja asing sebagai langkah sementara kerana banyak syarikat, terutama pembuatan seperti di bidang perabot menerima banyak tempahan dari negara luar tetapi kekurangan pekerja tempatan untuk memenuhi keperluan itu," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa kerajaan meletakkan sasaran untuk mengurangkan kira-kira 100,000 pekerja asing di negara ini setiap tahun, terutama yang tidak mahir dan berpengetahuan rendah.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata kira-kira 5,000 tenaga mahir asing yang mempunyai kebolehan luar biasa, akan diambil bagi mengukuhkan ekonomi dan pembangunan negara.

Dr Fong berkata, kementerian akan mengawal selia dan mengkaji isu itu dengan kerjasama pasukan petugas di Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang mengendalikan permohonan pengambilan pekerja asing.

"Kementerian saya akan mencadangkan kepada pasukan petugas itu supaya kita menjaga kepentingan kedua-dua pihak, iaitu syarikat (majikan) dan negara serta pekerja tempatan," katanya.

Beliau berkata, kepentingan kedua-dua pihak perlu diimbangi dengan baik untuk mengelak sebarang masalah, terutama memastikan pengeluaran kilang berjalan lancar untuk menyumbang kepada ekonomi negara.

(END)